

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2017

SOALAN : 16

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan dasar Kementerian dalam isu pengimplementasian 'kiddie packs' bagi kotak rokok. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa polisi ini tidak bertentangan dengan komitmen Kerajaan dalam *Framework Convention on Tobacco Control* oleh World Health Organisation, khususnya Artikel 12.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan satu (1) soalan lain yang menyentuh isu berkaitan 'kiddie packs' iaitu:- **23 November 2017 : Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengharamkan penjualan rokok 'Kiddie Pack' daripada dijual di negara ini. Sekiranya tidak, apakah justifikasi terhadap tindakan yang diambil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia, menerusi Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 telah pun mengharamkan sebarang penjualan pek rokok yang mengandungi kurang dari dua puluh (20) batang rokok. Larangan ini berkuatkuasa bermula pada tahun 2009.

Pek rokok yang mengandungi kurang daripada dua puluh (20) batang rokok dikenali di peringkat antarabangsa sebagai '*Kiddie Pack*'. Ini adalah kerana pek kotak rokok sebegini menjadi tarikan kepada para remaja dan kanak-kanak terhadap produk rokok kerana harganya yang lebih murah serta reka bentuk kotak rokok yang lebih kecil.

Sebagai langkah untuk membendung amalan merokok dalam kalangan remaja, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah untuk mengharamkan penjualan rokok yang mengandungi kurang dari dua puluh (20) batang rokok semenjak tahun 2009. Ia juga adalah selaras dengan komitmen kerajaan kepada Artikel 16(3) *World Health Organisation Framework Convention on Tobacco Control* (WHO FCTC) yang memperuntukkan setiap ahli *party* kepada WHO FCTC perlu melarang penjualan rokok secara runcit sebatang-sebatang atau di dalam pek kecil yang membolehkan kebolehdapatan kanak-kanak dan remaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia memandang serius terhadap masalah amalan merokok di negara ini yang merupakan faktor risiko kepada pelbagai masalah kesihatan dan kematian pra-matang. Oleh yang sedemikian, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak akan menyokong mana-mana langkah untuk implementasi ‘Kiddie Pack’ pada bila-bila masa sekali pun.

Soalan (17)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 2 NOVEMBER 2017
[KHAMIS]

DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]

SOALAN :-

YB DATO' SRI DR. HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperluaskan penggunaan teknologi Rain Water Harvesting System (RWHS) di dalam usaha untuk memastikan penggunaan air secara mapan terutamanya bagi menangani krisis air.

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menggalakkan penggunaan teknologi Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) (*Rain Water Harvesting System - RWHS*) sejak tahun 2011 lagi. Usaha- usaha yang telah dilaksanakan oleh KP KT adalah seperti berikut:

(i) **Pindaan Akta**

Pindaan undang-undang bagi perkara 2,10 dan 115 di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 telah dilaksanakan pada tahun 2011. Pindaan ini, mewajibkan semua bangunan baharu memasang SPAH bagi bangunan kediaman iaitu rumah banglo dan rumah berkembar serta semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai keluasan bumbung melebihi 100m².

(ii) Pewartaan SPAH

Sehingga kini, 10 buah negeri telah mewartakan SPAH manakala satu

(1) buah negeri dalam tindakan pewartaan iaitu :

- (i) Perak;
- (ii) Selangor;
- (iii) Melaka;
- (iv) Johor;
- (v) Kelantan;
- (vi) Perlis;
- (vii) Pahang;
- (viii) Pulau Pinang;
- (ix) Negeri Sembilan;
- (x) Kedah; dan
- (xi) Negeri Terengganu (dalam tindakan pewartaan SPAH).

(iii) Penerbitan Garis Panduan

Selain itu, KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) juga telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau dan salah satu inisiatif ialah pemakaian sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAH) yang digunakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan,

pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan dalam perancangan mereka.

(iv) Kursus Penerangan dan Pelaksanaan SPAH

Kementerian juga melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah melaksanakan kursus-kursus penerangan mengenai pindaan UKBS 1984 ini dan pelaksanaan SPAH kepada semua PBT setiap tahun mulai tahun 2011 sehingga kini sebanyak tujuh (7) kali.

(v) Skim Pembiayaan kepada Industri di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KETTHA)

Perluasan penggunaan teknologi SPAH kepada pihak industri telah dilaksanakan melalui Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH) atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS). Skim ini telah dilancarkan pada 1 Januari 2010 adalah satu skim jaminan oleh Kerajaan di mana untuk membantu pihak industri mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan bagi projek-projek berdasarkan teknologi hijau. Sebanyak RM3.5 bilion telah diperuntukkan bermula dari tahun 2010 hingga 2015. YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Bajet 2016 telah mengumumkan tempoh GTFS telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2017. Ia menawarkan subsidi sebanyak 2% setahun ke atas kadar faedah yang dikenakan oleh PFIs serta jaminan sebanyak 60%

daripada jumlah kos pembiayaan. Sehingga 31 Ogos 2017, GTFS telah berjaya memberikan manfaat kepada 302 projek berdasarkan teknologi hijau yang diusahakan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan dengan jumlah pembiayaan pinjaman mudah sebanyak RM3.385 bilion.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017